

## **HUBUNGAN KESAN PSIKOLOGI DAN MASALAH SOSIAL ANAK TAK SAH TARAF: SUATU ANALISIS PENAMAAN**

### ***THE RELATIONSHIP BETWEEN PSYCHOLOGICAL EFFECTS AND SOCIAL CRISIS FOR ILLEGITIMATE CHILDREN: AN ANALYSIS IN THEIR NAME TITLE***

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

Zul-kifli, H.

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6019-4114509 E-mail: [zul-kifli@usas.edu.my](mailto:zul-kifli@usas.edu.my)

---

#### **Abstrak**

Fenomena kelahiran anak luar nikah dari hasil zina seakan-akan sudah menjadi masalah sosial yang lumrah dan tidak asing lagi kepada masyarakat Malaysia. Akibat daripada perbuatan sumbang ini, anak-anak ini yang menjadi mangsa dan dipandang hina oleh masyarakat. Sudah tentu perasaan rendah diri akan timbul apabila mendapat status, nama dan gelaran tidak sama seperti rakan-rakan yang lain. Anak-anak tidak berdosa itulah yang menanggung kesan dari perbuatan keji masyarakat hari ini. Artikel ini bertujuan untuk melihat hubungan kesan psikologi dan masalah sosial anak tak sah taraf dari sudut status penamaan. Reka bentuk kajian ini adalah interpretif dan menggunakan pendekatan kualitatif jenis kajian kes. Kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah kombinasi teknik temu bual mendalam dan analisis kandungan dokumen. Manakala soalan temu bual pula adalah jenis temu bual semi-struktur. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan, dengan menemubual dua orang penjaga anak-anak tidak sah taraf. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti anak-anak tak sah taraf mengalami kesan psikologi dan masalah sosial apabila mengetahui penamaan kepada Abdullah adalah merujuk kepada anak luar nikah. Dapatkan menunjukkan terdapat tiga sub tema kesan psikologi telah dikenal pasti dan memberikan respon yang negatif iaitu majoritinya terkesan dengan masalah kemurungan, tekanan emosi dan memberikan perubahan fizikal secara tidak langsung. Kesemua kesan yang dihadapi adalah bergantung kepada faktor umur dan perkembangan individual.

**Kata kunci:** Anak Tak Sah Taraf; *Fatwa*; Kesan Psikologi; Masalah Sosial; Penamaan

## Abstract

The phenomena surrounding illegitimate children born out of wedlock has become a social issue in Malaysia. The effects of this immoral act have resulted children become victims of social mockery. Illegitimate children inevitably develop low self-esteem once realizing their status, name and title are different from their friends. These innocent children must face the consequences of their parents' immoral act. This study aims to investigate the relationship between the psychological effects and the social crisis faced by illegitimate children from the perspective of their title name. This study uses a qualitative research method through case study using purposive sampling. The collecting data is gathered from in-depth interviews, of two guardians of illegitimate children and document content analysis. The outcome showed that a majority of illegitimate children face psychological effect and exhibit social issues due to their surnames, Abdullah to be named for illegitimacy. The finding also showed that there are three sub-themes from the psychological aspects which are depression, emotional distress, and indirect physical change. All these are influenced by their age and individual's development.

**Keywords:** Illegitimate child; fatwa; psychological effects; social crisis; name title

---

## Pendahuluan

Anak Tak Sah Taraf atau akronimnya ATST yang akan digunakan dalam artikel ini adalah merujuk kepada anak yang terlahir dari seseorang wanita yang berzina yang merupakan hasil dari hubungan intim antara lelaki dan perempuan tanpa adanya suatu pernikahan yang sah. Ia juga terlahir dari rahim ibunya tanpa melalui jalur syarie' dan ia merupakan hasil dari hubungan yang haram (Wahbah Zuhaili 2014). Menurut Abdul Karim Zaydan (1993), ATST ialah anak yang dilahirkan hasil perzinaan dan bukan dari perkahwinan yang sah ataupun persetubuhan syubhab. Manakala merujuk kepada hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 bagi penamaan nasab ATST ini:

‘Jika seseorang perempuan Melayu Islam bersekedudukan tanpa nikah, samada dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah dibin atau dibintikkan Abdullah atau lain nama *Asma Al-Husna* berpangkalkan Abdul’ (JAKIM, 2003).

Tambahan lagi:

‘Seseorang anak tak sah taraf atau anak luar nikah tidak wajar dibin atau dibintikkan kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada anak-anak itu. Oleh yang demikian anak tersebut dibin atau dibintikkan kepada Abdullah atau lain-lain nama *Asma Al-Husna* berpangkalkan Abdul’ (JAKIM, 2003).

Ini bermaksud bahawa ATST yang dilahirkan akan disabitkan penamaan kepada Abdullah dan bukan kepada ibu manapun bapa biologinya adalah bermatlamat untuk mengelakkan kesan

psikologi dan masalah sosial yang dihadapi. Tambahan lagi, *Hifz an-Nasl* iaitu menjaga keturunan juga merupakan elemen yang paling didahului dalam pengeluaran fatwa tersebut. Namun begitu, realiti yang berlaku pada hari ini kepada ATST tidaklah seperti objektif fatwa asal yang bermatlamat sedemikian. Jika melihat kepada laporan kes-kes di mahkamah Syariah, kebanyakannya memohon untuk tidak dinamakan dengan nama Abdullah atas banyak faktor yang merosakkan kehidupan anak-anak ini. Sebagai buktinya dalam kes penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes rayuan No. W-01(A)-365-09/2016 (nama pihak perayu dirahsiakan mahkamah), mahkamah telah memutuskan bahawa tindakan meletakkan Abdullah pada nama anak luar nikah tiada dalam peruntukan undang-undang (A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara 2017). Menurut mahkamah, menamakan anak luar nikah dengan nama Abdullah adalah dilihat sebagai diskriminasi kepada masa depan dan perasaan kanak-kanak tersebut. Rata-rata masyarakat menyokong keputusan mahkamah rayuan ini dan berpendapat bahawa kanak-kanak yang dibinkan dengan Abdullah sering dipersenda, diejek anak luar nikah dan dipanggil sebagai anak tidak sah.

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat kesan psikologi dan hubungannya kepada masalah sosial yang dihadapi oleh ATST apabila dinasabkan penamaan kepada Abdullah. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan samada dakwaan yang dilontarkan oleh media di dada-dada akhbar mahupun di corong-corong radio adalah benar mahupun tuduhan semata-mata dengan niat menimbulkan provokasi dalam fatwa kebangsaan. Pengkaji meyakini akan setiap fatwa yang dikeluarkan pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika itu, namun sejauh manakah kesannya kepada ATST memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah terdapat kesan psikologi yang mengundang kepada masalah sosial ATST apabila nasab itu dinamakan kepada Abdullah?

### Sorotan Kajian

Jika melihat kepada kajian-kajian lepas, kebanyakan kajian berkaitan dengan kesan psikologi dan masalah sosial ini tidaklah berfokus kepada ATST. Sebagai contohnya satu kajian yang dilakukan oleh Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail dan Norizan Hassan (2018). Kajian ini adalah berkaitan dengan '*Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam kalangan Remaja Penagih Dadah*'. Dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif, hasil dapatan mendapati bahawa kemurungan dalam kalangan remaja penagih dadah meningkat adalah kesan daripada faktor kekurangan sokongan sosial. Selain itu, terdapat juga kajian lepas berkaitan dengan '*Tekanan Emosi Remaja*' oleh Fariza Md. Sham (2005) juga menggunakan kaedah statistik deskriptif. Kajian ini menunjukkan bahawa remaja memang ada mengalami tekanan emosi yang majoritinya menunjukkan simptom dari aspek psikologi.

Kajian '*Perbezaan Gender Tekanan Psikologikal dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah*' oleh Mohd Suhaimi dan Rozita Ibrahim (2021) turut disoroti pengkaji. Dengan menggunakan kajian tinjauan, seramai 200 orang pelajar lelaki dan perempuan diambil sebagai sampel kajian dari pelbagai fakulti dan kolej kediaman. Hasil dapatan menunjukkan bahawa hampir semua responden mempunyai tahap kesihatan mental yang tinggi dan sederhana. Kajian '*Kesan Psikologi Guru Terhadap Pelaksanaan Kajian Pembelajaran di Sekolah*' juga pernah dilakukan dalam satu artikel jurnal oleh Faizah Che Mat Zi dan Zanaton Iksan (2021). Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara penerimaan guru dalam pelaksanaan kajian pembelajaran dengan tekanan yang dihadapi. Hasil dapatan

menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang negatif dan sangat lemah terhadap penerimaan guru terhadap pelaksanaan kajian pembelajaran.

Merujuk kepada kesemua sorotan karya yang telah dijalankan oleh pengkaji, rata-rata kajian adalah tidak berkaitan dengan kesan psikologi dan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST. Oleh yang demikian, kajian ini diketengahkan bagi melihat kesan psikologi dan masalah sosial ATST yang dihadapi dari sudut penamaan.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana sebuah kajian itu ingin dijalankan dengan menghasilkan daptan yang berkualiti untuk dimanfaatkan bersama (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Selain itu juga, metodologi kajian ini akan memastikan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terarah dan bersistematis untuk menjawab persoalan kajian. Oleh itu, pengkaji telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu daripada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Oleh itu, falsafah disebalik kajian pengkaji ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji. Menurut Rosalina, pendekatan falsafah ini juga berupaya untuk menjelaskan, memahami dan menafsirkan suatu makna dan simbol yang dimunculkan oleh responden dalam satu-satu realiti sosial yang dikaji (Rosalina 2017). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif ialah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada *by word and picture* atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraihan dan pelaporan secara verbatim (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik. Strategi kajian pula ialah kajian kes. Menurut De Vaus (2005), kajian kes adalah suatu penerokaan mendalam yang berupaya menjurus kepada pembinaan konsep.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual mendalam iaitu *in-depth interview* (Mark Weinstein & Nick Foard 2006). Manakala soalan temu bual pula adalah jenis temu bual separa berstruktur atau temu bual semi-struktur. Ini bererti bahawa data yang diperoleh pengkaji adalah data primer iaitu data yang dikumpulkan samada menggunakan banci atau tinjauan sampel. Bancian merujuk data yang dipungut daripada keseluruhan populasi atau kumpulan yang menjadi subjek kajian (Siti Uzairiah 2007). Dalam menentukan saiz sampel pula, kajian kualitatif tidak ada satu peraturan bagi menentukannya (Patton 1990). Dengan mengadaptasikan *purposive sampling* iaitu persampelan bertujuan, seramai dua orang penjaga merangkap ibu bapa angkat ATST ini ditemubual bagi mendapatkan data lengkap berkaitan dengan kesan psikologi dan masalah sosial yang dihadapi. Hubungan akrab antara ibu bapa dan anak tersebut menjadi sebab mengapa pengkaji memilih ibu bapa sebagai sampel kajian. Selain itu juga, hanya ibu bapa sahaja yang dapat melihat perkembangan anak-anak membesar dari kecil hingga dewasa.

Dalam kaedah analisis data pula, tiada kata sepakat dalam kalangan pengkaji kualitatif mengenai kaedah penganalisisan bagi data kualitatif (Chua, 2006). Oleh itu, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan dalam menganalisis data primer yang diperoleh pengkaji. Menurut Creswell, proses analisis data ini juga turut merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif (Creswell 2009). Dalam analisis kandungan dokumen ini, proses penyaringan data dimulai dengan menulis transkripsi daripada rakaman yang diperoleh melalui audio video kepada bentuk verbatim (ayat). Data-data temu bual yang telah diperakui informan dianalisis oleh pengkaji secara manual walaupun perisian analisis kandungan dokumen seperti NVivo dan ATLAS.ti semakin berkembang pada hari ini. Ini bermaksud bahawa kajian ini tidak menggunakan sebarang perisian komputer untuk membuat analisis. Menurut Krippendorff (2004), perisian komputer tidak mampu menggantikan kebolehan manusia untuk membaca, mentranskrip dan menterjemah bahan bertulis. Kaedah ini disokong dengan kaedah yang telah digunakan oleh Rabina (2001) dan Arnold (2007) yang didapati tidak menggunakan sebarang perisian khusus dalam membuat analisis. Analisis kandungan dokumen digunakan untuk mengeluarkan tema-tema daripada transkrip yang telah ditulis selepas sesi temubual bersama responden.

### Perbincangan Kajian

Kesan menurut Kamus Dewan memberikan banyak maksud antaranya ialah merujuk kepada tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau bekas. Ia juga membawa erti sesuatu kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian, keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005). Manakala istilah psikologi pula menurut William James (1890) adalah sains kehidupan mental yang menekankan kepentingan unsur-unsur subjektif yang tidak dapat didaftar oleh sistem deria manusia. Adapun perkataan psikologi berasal daripada perkataan Greek iaitu *Psyche* dan *Logos*. *Psyche* membawa erti jiwa, rohani atau mental dan *Logos* pula bermaksud kajian (Azura Bahadin, 2019). Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa kesan psikologi ialah sesuatu tanda baik maupun buruk yang berkaitan dengan jiwa, rohani dan mental manusia khususnya kepada anak-anak tak sah taraf yang menjadi perbincangan dalam kajian ini.

Manakala perkataan masalah menurut Kamus Dewan ialah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Adapun perkataan sosial pula membawa erti segala yang berkaitan dengan masyarakat (Kamus Dewan, 2005). Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa masalah sosial ialah sesuatu perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat khususnya kepada anak-anak tak sah taraf ini hasil daripada interaksi dengan anggota masyarakat. Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada masalah sosial yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf apabila psikologinya terkesan akibat penamaan kepada Abdullah.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak-anak tak sah taraf yang dinamakan kepada Abdullah rata-rata mengalami kesan psikologi dan seterusnya membawa kepada masalah sosial dalam kehidupan. Ringkasan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan kepada dua orang responden kajian dirumuskan seperti dalam Jadual 1 di bawah. Jadual ini diadaptasikan oleh Norizan Yusof (2016) dalam Jurnal Psikologi Malaysia bertajuk: ‘*Pengurusan Elemen Psikologikal sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir di Kelantan*’. Jadual ini turut diolah oleh pengkaji berpandukan kepada perbincangan kajian.

Jadual 1: Ringkasan dapatan responden terhadap kesan psikologi dan masalah sosial


RESPONDEN	KOD	JANTINA ATST	MASALAH PSIKOLOGI	MASALAH SOSIAL
Responden 1	R1	Lelaki (L)	/	/
Responden 2	R2	Perempuan (P)	/	/

Dapatkan juga menunjukkan bahawa ATST ini mengalami kesan psikologi dan masalah sosial ketika di peringkat remaja bermula umur 13 tahun dan ke atas. Walaupun ada di antaranya telah diperjelaskan status penamaan kepada Abdullah ketika berumur bawah 12 tahun, namun kesannya tidaklah begitu ketara. Ini disebabkan tidak ada pengetahuan yang begitu jelas tentang penamaan nasab ATST. Menurut R1:

“...dia memang berubah setelah dia tahu, jadi saya tahu emosi dia tu memang ada sedikit perubahan. Sebelum ni dia tahu Abdullah tapi dia taktau status anak luar nikah.”

Ini berkemungkinan tahap kematangan berfikir manusia di bawah umur 12 tahun masih berada pada tahap yang rendah. Menurut Leny Marinda (2020), tahap kematangan berfikir manusia tahap rendah adalah yang berada di bawah 12 tahun, manakala 12 tahun hingga dewasa mampu berfikir secara abstrak dan mampu melakukan *self-reflection*. Apabila menjangkau umur dewasa, kelihatan anak-anak ini tidak lagi mengendahkan penamaan nasab itu kepada Abdullah. Perkara ini berlaku disebabkan tahap kematangan berfikir adalah bertambah baik apabila dikelilingi pasangan dan anak-anak yang mampu memahami kehidupan ATST. Oleh itu, peringkat umur juga turut menjadi faktor kesan psikologi yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf ini.

Dalam membincangkan perihal kesan psikologi yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf yang dinamakan dengan nama Abdullah ini, tema yang terhasil melalui temubual kedua-dua responden adalah seperti di Rajah 1:




Rajah 1: Tema dapatan kesan psikologi

Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa kedua-dua ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah ini mengalami tiga kesan psikologi iaitu masalah kemurungan, tekanan emosi dan mengalami perubahan jiwa, diri dan rohani. Pengkaji mulakan dengan masalah kemurungan yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf ini. Kemurungan merupakan gangguan emosi berpunca daripada gaya pemikiran seseorang melibatkan persepsi kepada diri sendiri, kehidupan dan persekitarannya (Ashidah & Fariza, 2020). Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden memberikan respon yang sama tentang masalah kemurungan yang dihadapi oleh anak-anak tak sah taraf ini. Semua ATST yang dijaga mengalami masalah kemurungan akibat penamaannya tidak sama dengan adik-beradik yang lain.

Walaupun terdapat sesetengah ibu bapa yang tidak menjelaskan isu penamaan ATST itu, namun rakan-rakan dan jiran tetangga pula menimbulkan isu tersebut dengan mengejek dan merendah-rendahkan ATST ini. Hal ini berlaku kepada anak-anak ini pada usia kanak-kanak sehingga membawa ke usia remaja. Hubungan rapat bagi kanak-kanak dan remaja bersama kawan-kawan adalah melebihi ahli keluarga dilihat turut memberikan kesan kepada masalah kemurungan yang dihadapi. Ini kerana semasa fasa perkembangan remaja, emosi dan tingkah laku remaja lebih mudah dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran (sosial dan persekitaran) berbanding dengan orang dewasa (Moon & Basham, 2010). Kesan daripada masalah kemurungan ini membuatkan anak-anak ini bersikap menyendiri, senyap, selalu termenung, kurang selera makan, pantang ditegur, semakin kurang bergaul, kurang tumpuan dan mula ponteng sekolah. Ada juga yang mengambil jalan lari dari rumah dan berada bersama kawan-kawan hingga berkahwin. Menurut R2:

“...dah taknak dengar cakap, dia keluar cakap nak pergi jumpa kawan lepastu dia pergi, balik lewat malam, lama-lama sampai tak balik, lepastu dengar-dengar cerita katanya dia dah kahwin dekat Thailand...”.

Berikut adalah ringkasan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST apabila mengalami kemurungan seperti dalam Rajah 2:



Rajah 2: Hubungan kemurungan dengan masalah sosial ATST


Seterusnya ialah bagi sub tema tekanan emosi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah ini. Tekanan emosi ditakrifkan sebagai keadaan seseorang dalam keadaan tertekan emosinya akibat daripada peristiwa, pengalaman atau bebanan tugas yang berada di luar kemampuan (Fariza, 2005). Hasil dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua penjaga menjelaskan bahawa ATST yang dijaga mengalami tekanan emosi. Ia berlaku bukan sahaja di peringkat remaja bahkan bermula dari kanak-kanak itu berada di peringkat sekolah rendah lagi apabila penamaan itu diketahui kawan-kawan. Ada di antara ATST yang sanggup menipu pergi ke sekolah, namun hakikatnya melepak di luar hingga waktu sekolah berakhir untuk mengelak jumpa bersama kawan-kawan kerana malu. Menurut R1:

“...pergi sekolah tak sampai, dia duduk tepi jalan lepastu masuk sekolah macam duduk kat kedai kopi hahh. Dia lepak macam tu kan lepastu orang balik sekolah, dia pun balik sekolah. Bila kita dapat tahu, tanyalah dia kenapa dia pergi sekolah tapi tak sampai? Dia cakaplah yang dia segan malu sebab kawan dia ejek dia yang ayah dia lain ahhh”.

Rata-rata ATST ini mudah terasa, cepat berputus asa, selalu protes, marah-marah dan sering menangis. Ada juga yang sering membezakan status diri sendiri dengan adik-beradik yang lain. Menurut R2:

“...bila kita marah dia ke sebab dia buat salah dia cakap macamtu. Dia kata mentang-mentang la dia anak angkat”.

Tambahan lagi, responden turut menjelaskan bahawa ATST yang dijaga bertambah tertekan akibat kesusahan hidup yang dialami keluarga. Masalah kemiskinan adalah masalah sosial yang sering wujud dalam sesuatu kelompok masyarakat walaupun sesebuah negara diiktiraf sebagai negara yang telah maju. Ini menyebabkan masyarakat bekerja dalam jangka masa yang lama menyebabkan taraf kesihatan fizikal dan mental terjejas. Kaplan et al (2010) menjelaskan bahawa penyakit *Squizofrenia* mempunyai hubungan dengan persekitaran tempat tinggal yang berpunca dari kemiskinan. Berikut adalah ringkasan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST apabila mengalami tekanan emosi seperti dalam Rajah 3:




Rajah 3: Hubungan tekanan emosi dengan masalah sosial ATST

Sub-tema terakhir bagi kesan psikologi yang dihadapi oleh ATST yang dinamakan dengan Abdullah ini pula adalah perubahan jiwa, diri dan rohani. Hasil dapatan menunjukkan bahawa ATST ini menunjukkan perubahan jiwa, diri dan rohani setelah diketahui identiti penamaan itu kepada Abdullah. Menurut R1:

“dulu normal sebab ramai yang bin Abdullah sebab anak betul pun ada yang bin Abdullah dianggapkan begitulah. Tapi bila dia tahu bin Abdullah dia tu anak luar nikah, maka keseronokan dia berkawan pun tengok ada perbezaan”.

Dapatan menunjukkan bahawa antara perubahan yang dihadapi oleh ATST ini ialah seperti kurang menumpukan perhatian, sering menjauhkan diri, kurang selera makan, degil dan kerap melawan cakap ibu bapa. Majoriti responden meluahkan bahawa ATST yang dijaga semakin kurang bergaul dan banyak menyendiri setelah menyedari identiti penamaan kepada Abdullah. Perubahan ini berlaku apabila kanak-kanak mula beralih fasa kematangan ke alam dewasa. Menurut Izzati (2019), zaman remaja merupakan zaman perubahan atau peralihan daripada kanak-kanak kepada dewasa. Pada usia remaja, tugas, tanggungjawab, keistimewaan dan hubungan sosial dengan orang sekeliling juga akan turut berubah. Berikut adalah ringkasan masalah sosial yang dihadapi oleh ATST apabila mengalami perubahan jiwa, diri dan rohani seperti dalam Rajah 4:



Rajah 4: Hubungan perubahan jiwa, diri dan rohani dengan masalah sosial ATST

## Kesimpulan

Hasil dapatan keseluruhan daripada perbincangan yang telah dihuraikan pengkaji menunjukkan bahawa majoriti ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah memberikan kesan psikologi. Terdapat tiga sub tema kesan psikologi yang mana keseluruhannya memberikan respon yang negatif iaitu masalah kemurungan, tekanan emosi dan memberikan perubahan fizikal secara tidak langsung. Kesemua kesan ini adalah ketara apabila menjangkau usia remaja sekitar umur 13 tahun dan ke atas setelah diketahui maksud penamaan itu kepada Abdullah. Adapun kanak-kanak tidak sah taraf ini yang berumur di bawah 13 tahun tidaklah begitu terkesan dengan masalah ini kerana kurangnya pengetahuan terhadap penamaan Abdullah itu walaupun sering diejek di sekolah. Pada usia dewasa pula, ATST ini tidak lagi terkesan dengan masalah psikologi disebabkan perubahan yang berlaku dalam kehidupan apabila dikelilingi keluarga sendiri dan anak-anak.

Pada usia remaja sekitar umur 13 tahun dan ke atas, majoriti ATST ini terkesan dengan masalah kemurungan, menyendiri, kurang bergaul dan banyak mengelak untuk bertemu keluarga terdekat. Atas sebab itulah ia sekaligus memberikan kesan yang negatif kepada masalah sosial apabila masalah kemurungan itu tidak dapat diatasi dengan sendirinya. ATST ini mula ponteng sekolah, menipu hadir ke sekolah, pantang ditegur, sering marah dan protes serta lepak keluar tinggal bersama kawan-kawan. Adalah yang lebih merisaukan iaitu lari dari rumah dan keluar

dari Malaysia sehingga berkahwin, serta langsung tidak menjengah keluarga angkat di kampung. Ini membuktikan bahawa penamaan ATST yang dinamakan dengan nama Abdullah amat memberikan kesan psikologi sekaligus mengundang masalah sosial. Oleh yang demikian, pemurnian semula fatwa terhadap penamaan ATST perlulah dilihat kembali agar ia selari dengan kehendak Maqasid Syariah secara keseluruhannya dan tidaklah hanya mengutamakan salah satu *dharuriyyat* semata-mata.

## Bibliografi

- A Child & 2 Ors Jabatan Pendaftaran Negara (25 Julai 2017): [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01\(A\)-365-09-2016.pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/W-01(A)-365-09-2016.pdf)
- Ahmad, S. A., Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. Jurnal al-‘Abqari. Vol. 16.
- Aidaa, N., Yusof, F. & Aziz, S. (2019). Faktor-faktor Penyebab Penyakit Skizofrenia: Satu Kajian Kes. Jurnal Sains Sosial Malaysian. Vol. 4 (1).
- Ashidah, N. & Sham, F. (2020). Pendekatan Tazkiyat al-Nafs dalam Menangani Masalah Kemurungan. Jurnal: Al-Hikmah. Vol. 12(1).
- Bahadin, S. A. (2019). Pengantar Psikologi. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Baharom, N. (2005). Dewan Bahasan dan Pustaka. 4<sup>th</sup> Ed. Kuala Lumpur.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Mc. Graw Hill Education, Malaysia.
- Creswell. (2009). Qualitative Inquiry and Research Desing: Choosing among five approaches, Thosand Oaks, CA, Sage.
- De Vaus. (2005). Research Design in Social Research. 2<sup>nd</sup> Ed. SAGE Publication.
- Faizah, C. M. Z., Zanaton, I. (2021). Kesan Psikologi Guru Terhadap Pelaksanaan Kajian Pembelajaran di Sekolah. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 3 (3). Asian Scholars Network (ASNet).
- Faizah, M. I., Rosmi, I. & Norizan, H. (2018). Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam kalangan Remaja Penagih Dadah. Jurnal Psikologi Malaysia. Vol. 32 (3). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza, M. S. (2005). Tekanan Emosi Remaja. Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam. Vol. 27 (1). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isa, F.M., Ismail, R., Hassan, N., (2018). Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam Kalangan Remaja Penagih Dadah, Jurnal Psikologi Malaysia 32 (3) (2018): 109-118 ISSN-2289-8174.

JAKIM. (2003). Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Hal. 206-207.

Krippendorff. (2004). Content Analysis: An Introduction to it Methodology. 2<sup>nd</sup> Ed. SAGE Publication.

Marinda, L. (2020). Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget Dan Problematikanya Pada Anak Usia Sekolah Dasar. Jurnal Kajian Perempuan & Keislaman Vol. 13, No. 1, April 2020.

Mat Zi, F. C., Iksan, Z. (2021). Kesan Psikologi Guru terhadap Pelaksanaan Kajian Pembelajaran di Sekolah. Jurnal Dunia Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM.

Miles, B.M., & Huberman, M.A. (1994). Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book, California: Sage.

Mohamad, M. S., Ibrahim, R. (2021). Perbezaan Gender Tekanan Psikologikal dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah. Jurnal Personaliti Pelajar 21 (1): 55-56.

Mohd Suhaimi, M., Rozita, I. (2018). Perbezaan Gender Tekanan Psikologikal dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah. Jurnal Personalia Pelajar. Vol. 21 (1). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Tobi, S. U. (2007). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. 1<sup>st</sup> Ed. Kuala Lumpur.

Moon, S.S., Mo, B.C., & Basham, R. (2010). Adolescent Depression And Future Smoking Behaviour: A Prospective Study. Child Adolescence Social Work Journal, Vol. 27.

Patton, Q.M. (1990). Qualitative Evaluation Methods, Beverly Hill, California: Sage Publication.

Powell, C. (2010). The Delphi Technique: Myths and Realities. Methodological Issues in Nursing Research. Western Journal of Nursing Research.

Rabina (2001) & Arnold (2007). A Situational Analysis of National Information Policy, with Special Reference to South Africa. 1<sup>st</sup> Ed. University of South Africa.

Ramli, M. (2017). Pelajar IPT dituduh Bunuh Bayi. Berita Harian.

Rosalina, Y.A. (2017). Masuknya Paradigma Interpretif Pada Kajian Ilmu Akuntansi. Jurnal Analisa Akuntansi dan Perpajakan, Vol. 1 (1). Universitas Brawijaya.

Sham, F. M. (2005). Tekanan Emosi Remaja Islam. Jurnal Islamiyyat 27(1) 3-24. UKM.

Sinar Harian. (2018). Tajuk: Statistik Jabatan Pendaftaran Negara.

South China Morning Post – SCMP. (2017)

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/09/04/keperitan-hidup-kerana-membawa-taraf-anak-luar-nikah/>

Weinstein, M. & Foard, N. (2006). A Short Introduction to Social Research. 1<sup>st</sup> Ed. SAGE Publication.

Yin, K.R. (2009). Case Study Research: Design and Methods, Newbury Park, California: Sage Publication.

Zawawi, N. I., Sham, F. & Ismail, A. (2019). Stres Menurut Sarjana Barat dan Islam. Jurnal: International Journal of Islamic Thought Vol. 16.

Zaydan, A. K. (1993). Al-Mufassal fi Ahkam Al-Mar'ah wa Al-Bayt Al-Muslim fi Asy-Syariah Al-Islamiah. Muassasah ar-Risalah.

Zuhaili, W. (2014). Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu. Dar Al-Fikr, Beirut.